

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

Isnin, 5 Ogos 2024

Nasional

15

# Syor wajibkan penjawat awam periksa kesihatan

**CUEPACS mahu program dilaksanakan bersama KKM, Jabatan Belia dan Sukan cegah obesiti**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** CUEPACS mengesyorkan supaya penjawat awam berusia 40 tahun ke atas yang sudah menunjukkan tanda obesiti diwajibkan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan.

Presidennya, Datuk Adnan Mat, berkata program kerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) serta Jabatan Belia dan Sukan (JBS) boleh dilakukan untuk mengawal dan memantau kumpulan penjawat awam yang mempunyai masalah obesiti.

Katanya, objektif khusus program ini adalah mengenal pasti kumpulan penjawat awam ber-

isiko dan faktor kepada penyumbang masalah terbabit, kemudian disusuli dengan merangka dan melaksanakan program intervensi.

"Setiap program intervensi dilaksanakan perlu dinilai keberkesanannya supaya mencapai objektif ditetapkan.

"Hanya peserta menunjukkan penurunan positif boleh dibebaskan daripada program intervensi dilaksanakan, tetapi perlu melakukan pemeriksaan kesihatan berkala bagi mengelakkan kembali 'bermasalah' (mengalami obesiti)," katanya melalui kenyataan.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali semalam yang memaklumkan 50 peratus penjawat awam di Putrajaya mengalami masalah obesiti dan berat badan berlebihan.

Tambah Adnan lagi, perkara sama boleh juga dilaksanakan di

sektor swasta bagi memastikan golongan pekerja di Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat, di samping melakukan aktiviti pekerjaan lain.

"Tindakan bersama oleh majikan masing-masing boleh membantu mengurangkan masalah obesiti di Malaysia dengan lebih berkesan," katanya.

Beliau memaklumkan, masalah berat badan berlebihan bukanlah perkara baharu dan ia tidak hanya babitkan penjawat awam.



Adnan Mat

## Tabiat makan, gaya hidup

Menerusi laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) KKM 2023, katanya, ia menunjukkan 54.4 peratus rakyat dewasa mengalami berat badan berlebihan, sekali gus meningkat tiga peratus berbanding 50.1 peratus pada 2019.

"Dalam hal ini, masalah kegemukan berlebihan bukan me-

rujuk kepada penjawat awam saja, kerana ia membabitkan semua rakyat yang tidak mengamalkan gaya hidup sihat.

"Masalah kegemukan rakyat Malaysia perlu diambil perhatian lebih serius semua pihak kerana perkara ini tidak sepatutnya dinormalisasikan. Masalah ini bukan membabitkan penjawat awam sahaja," katanya.

Adnan berkata, obesiti dan berlebihan berat badan adalah faktor risiko kepada diabetes, hipertensi, kolesterol tinggi dan sakit jantung dan CUEPACS melihat masalah ini dalam kalangan penjawat awam lebih kepada tabiat pemakanan dan gaya hidup individu.

"Untuk menangani obesiti secara berkesan sebenarnya datang daripada dalam diri kita sendiri.

"Jika kita perhatikan sudah banyak program kesedaran kesihatan dibuat misalnya membabitkan media massa, selain kempen penerangan awam. Banyak juga maklumat pendidikan mengenai pemilihan makanan yang sihat dihebahkan," katanya.

Pelajar tidak sedarkan diri selepas hisap vape

## Pelajar stabil, masih dirawat

**Kuala Terengganu:** Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) menafikan dakwaan pelajar Tingkatan Empat masih tidak sedarkan diri dan dalam keadaan kritikal selepas dikatakan menghisap vape atau rokok elektronik.

Pengarah JPNT, Jelani Sulong, berkata pelajar terbabit dalam keadaan stabil, masih dirawat dan dalam pemantauan di hospital.

Katanya, pelajar berusia 16 tahun itu menghisap vape di luar kawasan sekolah dan kesihatannya tidak seteruk seperti ditularkan melalui laman sosial.

"JPNT juga masih menunggu hasil siasatan yang dilakukan polis serta laporan kesihatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Jelani berkata demikian ketika mengulas dakwaan seorang pelajar dari sebuah sekolah menengah di daerah Kemaman dilaporkan tidak sedarkan diri selepas didakwa menghisap vape pada Isnin lalu.

Kelmarin, Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Khairuddin dilaporkan berkata, pihaknya masih menunggu laporan perubahan sebelum tindakan dilakukan.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohamed  
Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menafikan tidak memberikan rawatan awal kepada penoreh getah yang maut akibat diserang gajah di Jalan Felcra Batu 29, Kahang di sini, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Ling Tian Soon berkata, menerusi laporan JKNJ, kakitangan Klinik Kesihatan Batu 22 Kahang menguruskan kes berkenaan jam 7.43 pagi selepas mendapat panggilan kecemasan.

Menurutnya, semua klinik kesihatan awam ditutup pada Jumaat dan Sabtu di Johor namun perkhidmatan kecemasan masih ada menerusi panggilan kerana nombor telefon petugas diletakkan di hadapan bilik kecemasan.

"Menerusi laporan JKNJ, mangsa dibawa ke rumah dalam keadaan tidak sedarkan diri selepas diserang gajah ke fasiliti berkenaan. Menerusi pemeriksaan terdapat beberapa tanda kecederaan namun berikutan

## PENOREH MAUT DISERANG GAJAH

# JKNJ nafi tak beri rawatan

ketiadaan tanda vital, resusitasi dibuat mengikut prosedur standard.

"Bagaimanapun, mangsa diisytiharkan meninggal dunia pada jam 8.20 pagi (kelmarin). Jenazah kemudian dibawa ke hospital pada jam 1 tengah hari," katanya.

Terdahulu, mangsa Mirsirah Saniman, 75, dilaporkan maut dipercayai diserang gajah semasa sedang bekerja di Jalan Felcra Batu 29, Kahang, di sini, kelmarin.

Mangsa disahkan meninggal dunia akibat kecederaan serius dan pendarahan dalam dada, koyakan pada jantung, patah tulang belakang dan pendarahan dalam perut akibat koyakan pada hati.

Sementara itu, Tian Soon mengarahkan Jaba-

tan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) meniasat insiden serangan gajah berkenaan.

"Saya sudah maklumkan kepada Perhilitan supaya membuat siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya susulan penduduk di

kawasan berkenaan dilaporkan mulai risau mengenai ancaman gajah yang semakin kerap.

"Kerajaan Johor merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Mirsirah Saniman dan berharap mereka tabah menerima ujian ini," katanya.

## 1,800 penduduk kini hidup dalam ketakutan

**Kluang:** Kira-kira 1,800 penduduk Kampung Sri Lukut, Kahang di sini, mendakwa hidup dalam ketakutan selepas kejadian serangan gajah yang mengakibatkan kematian seorang penoreh getah, kelmarin.

Ketua kampung itu Yusoff Ibrahim berkata, penduduk mulai trauma hingga tidak berani berada di luar bagi melakukan urusan harian mereka.

"Sekarang orang kampung terutama yang tinggal berhampiran Felcra Batu 29 trauma dan isu gajah di sini bukan perkara baharu, cuma kali ini membabitkan kematian. Punca gajah ini datang ke kampung kerana terdapat aktiviti tebang dan racik pokok kelapa sawit. Kumpulan gajah ini sekitar 20 hingga 30 ekor berkeliaran untuk makan umbut kelapa sawit.

"Ini menyebabkan penduduk terutama penoreh getah dan pekerja ladang

kelapa sawit bimbang untuk keluar bekerja," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, sebelum ini dia pernah menyuarakan masalah itu ketika taklimat dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Tak sangka kebimbangan ini menjadi kenyataan apabila salah seorang penduduk maut diserang gajah.

"Kita tidaklah menyalahkan kerja tebang dan racik itu, cuma sepatutnya pemilik ladang maklumkan kami mengenai kerja-kerja itu yang akan dilakukan supaya penduduk boleh berwaspada," katanya.

Difahamkan, Perhilitan ada mengeluarkan garis panduan bagi pemilik ladang kelapa sawit untuk melakukan langkah pencegahan termasuk membuat parit besar di keliling ladang bagi mengelak kehadiran gajah.

## Gajah sukar bunuh orang tanpa sebab

**Kuala Lumpur:** "Tidak semudah itu gajah akan 'naik minyak' dan membunuh orang tanpa sebab. Perlu siasat dahulu puncanya sebelum rumusan dilakukan," ujar Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim.

Dia yang dihubungi Harian Metro mengakui terkejut dengan kejadian terbaru membabitkan kematian seorang wanita warga emas, Mirsirah Saniman, 75 an, yang dipercayai diserang gajah ketika menoreh getah di Jalan Felcra Batu 29, Kahang, Kluang, Johor, pagi kelmarin.

Kadir berkata, kes seumpama itu semakin kerap berlaku membabitkan gajah di luar termasuk Gerik, Perak, Gua Musang, Kelantan dan Terengganu.

"Sukar untuk menentukan punca gajah liar menyerang manusia. Ada pelbagai kemungkinan antaranya mangsa memasuki habitat liar atau

'jajahan' gajah secara tidak sengaja.

"Berdasarkan kajian, gajah menjadi garang ketika melindungi atau memiliki anak kecil. Gajah juga boleh menjadi agresif apabila terkejut atau diprovokasi," katanya.

Menurutnya, gajah liar turut boleh menyerang manusia apabila mengalami kecederaan. Berdasarkan pengamatan, gajah yang cedera akibat ditembak pemburu liar atau terkena jerat akan menjadi garang dan bahaya.

"Bagi kes terbaru ini, pihak Perhilitan akan menjalankan siasatan dan memburu gajah liar itu. Apabila berjaya ditangkap kelak, Perhilitan akan melakukan pemeriksaan lanjut sebelum haiwan ini dipindahkan ke habitat baru yang jauh dari lokasi konflik.

"Saya menasihati orang ramai supaya berwaspada dan tidak melakukan provokasi jika terserempak gajah. Sebaiknya segera jauhi diri berikutan sukar meramal tindakbalas haiwan berkenaan," katanya.



Ada pelbagai kemungkinan antaranya mangsa memasuki habitat liar atau 'jajahan' gajah secara tidak sengaja"

Abdul Kadir



### KRONOLOGI SERANGAN GAJAH DI MALAYSIA

- 9 Mei 2024** - Seorang wanita patah tulang rusuk apabila ditondol gajah seberat lebih satu ton berkenaan bertampanan ladang getah di Ating B, Gua Musang, Kelantan. Kejadian berlaku ketika mangsa sedang menoreh getah bersama suaminya.
- 13 Mei 2024** - Lelaki Bangladesh berusia 29 tahun maut selepas diserang gajah liar di sebuah ladang di Kampung Omi, Pos Blau, Gua Musang, Kelantan. Mangsa dikatakan tidak sempat lari sebelum diserang dan ditusuk gading di bahagian perutnya.
- 13 April 2024** - Seorang lelaki, Ahmad Nazri Osman, 55, diserang termasuk dipijak gajah di Batu 13 dekat Tugu Peringatan, Jalan Raya Timur Barat (JRTB) Gerik-Jeli, Perak. Serangan menyebabkan mangsa patah 10 tulang rusuk hingga menyebabkan berlaku kebocoran pada paru-paru, selain patah kaki kanan.
- 26 Mac 2024** - Anggota Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu berusia 50 tahun patah tulang rusuk dan kipsa selain cedera paru-paru akibat dirempuh gajah di Hutan Felda Cerut, Cheneh, Kemaman. Kejadian berlaku ketika mangsa bersama lapan anggota yang lain sedang membuat pemantauan hidupan liar di hutan.
- 5 Disember 2023** - Seorang lelaki warga Indonesia maut diserang seekor gajah liar di kawasan ladang getah Upayapadu Plantation Berhad, Sungai Bayu, Gua Musang, Kelantan. Mangsa dijumpai terbaring tidak sedarkan diri selepas dipercayai diserang gajah liar.
- 26 Disember 2023** - Seorang warga emas maut manakala isterinya parah selepas mereka diserang sekumpulan gajah di Kampung Pergajian di Skim Begahak, Lahad Datu, Sabah. Mangsa, Lapis Jubin, 90, mati di lokasi manakala isterinya, Dalama Mamid, 61, cedera parah.



INFOGRAFI Metro



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24  
RUANGAN : BISNES

24

www.hmetro.com.my @hmetromy f HarianMetro @hmetromy

Isnin 05.08.2024 | Harian Metro

Bernama

Kuala Lumpur

Malaysia di landasan kukuh untuk muncul sebagai destinasi penjagaan kesihatan global utama pada 2025, dengan kejayaan sektor pelancongan penjagaan kesihatan negara mencatatkan hasil sebanyak RM2.25 bilion pada 2023.

Hanya dalam tempoh setahun sebelum Pelan Tindakan Industri Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021-2025 selesai, aspirasi untuk memenuhi sasaran 'Pengalaman Pelancongan Penjagaan Kesihatan Terbaik Malaysia' menjelang 2025 boleh dicapai berikutan peningkatan jumlah pelancong kesihatan yang berkunjung ke Malaysia.

Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), agensi di bawah Kementerian Kesihatan memberi tahu Bernama, negara merekodkan 584,468 kedatangan pelancong kesihatan bagi tempoh Separuh Pertama 2024.

Agensi itu berkata, sebagai perbandingan, Malaysia merekodkan lebih satu juta ketibaan pelancong kesihatan pada 2023, meningkat 15 peratus daripada 850,000 pada 2022, yang mengukuhkan lagi kedudukan negara sebagai destinasi perubatan sedang berkembang pesat.

# Bisnes



PELANCONG mengunjungi Dataran Merdeka ketika tinjauan di sekitar ibu kota.

SASAR DESTINASI PENJAGAAN KESIHATAN UTAMA GLOBAL 2025

## 584,468 PELANCONG KESIHATAN HADIR

MHTC berkata, Indonesia adalah penyumbang tertinggi pelancong kesihatan ke Malaysia, merangkumi 70 peratus hingga 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pada tahun lepas.

Rangka Tindakan Industri Perjalanan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021-2025, yang antara lain menyentuh peranan pihak awam dan swasta dalam ekosistem perjalanan penjagaan kesihatan, berjaya menyediakan rangka kerja pengalaman menyeluruh kepada pelancong kesihatan dengan penekanan utama kepada jenama penjagaan kesihatan Malaysia.

Antara tumpuan utama pelan tindakan itu ialah perkhidmatan perubatan, telekonsultasi, akses kepada maklumat, insurans, penginapan dan imigresen, yang akan memacu industri dan menjadikan Malaysia pusat tumpuan penjagaan kesihatan menjelang 2025.

Agensi itu berkata, industri pelancongan kesihatan menyasar jana pendapatan RM2.4 bilion sepanjang tahun ini dan setakat ini, sektor itu meraih RM954.90 juta pada tempoh Separuh Pertama 2024.

MHTC berkata, pencapaian itu dijangka menyumbang limpahan ekonomi kepada industri lain sebanyak RM9.6 bilion.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NEGARA

## Penjawat awam wajib buat pemeriksaan kesihatan



PEMERIKSAAN secara berkala dicadang dilakukan ke atas penjawat awam yang mempunyai tanda-tanda obesiti dan berusia 40 tahun ke atas. — GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerajaan (Cuepacs) mencadangkan agar penjawat awam diwajibkan melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi mereka yang sudah menunjukkan tanda-tanda obesiti dan berusia 40 tahun ke atas.

Presidennya, Datuk Dr. Adnan Mat berkata, selain itu, program kerjasama dengan Kementerian Kesihatan serta Jabatan Belia dan Sukan boleh dilakukan bertujuan mengawal dan memantau penjawat awam yang mempunyai masalah obesiti.

"Objektif khusus program ini

adalah mengenal pasti kumpulan penjawat awam berisiko dan faktor kepada penyumbang masalah tersebut kemudian disusuli dengan program intervensi.

"Hanya peserta yang menunjukkan penurunan positif sahaja boleh dibebaskan daripada program intervensi tetapi perlu melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi mengelakkan masalah kembali berulang," katanya dalam kenyataan hari ini.

Untuk rekod, laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 menunjukkan 54.4 peratus rakyat dewasa Malaysia ada berat badan berlebihan.

Rekod itu meningkat tiga per-

tus berbanding 50.1 peratus pada 2019 melibatkan semua rakyat Malaysia yang tidak mengamalkan gaya hidup sihat.

Justeru, Adnan berkata, isu kesihatan itu perlu diambil perhatian lebih serius oleh semua pihak dan ia tidak sepatutnya dinormalisasikan.

"Masalah ini bukan melibatkan penjawat awam sahaja. Obesiti dan berlebihan berat badan adalah faktor risiko kepada diabetes, hipertensi, kolesterol tinggi dan sakit jantung.

"Cuepacs lihat masalah obesiti penjawat awam lebih kepada tabiat makan dan juga gaya hidup individu tersebut," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : NASIONAL

## Obesiti: Wajibkan penjawat awam 40 tahun ke atas buat pemeriksaan

**SHAH ALAM** - Kerajaan disaran mewajibkan penjawat awam berusia 40 tahun dan ke atas, terutamanya mereka yang mula menunjukkan tanda-tanda obesiti agar melakukan pemeriksaan kesihatan berkala sebelum diserap dalam program intervensi.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerajaan (Cuepacs) Datuk Dr Adnan Mat berkata, program dengan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) serta Jabatan Belia dan Sukan (JBS) itu boleh dilakukan untuk mengawal dan memantau kumpulan penjawat awam yang mempunyai masalah obesiti.

Menurutnya, pelaksanaan program tersebut bertujuan mengenal pasti kumpulan penjawat awam berisiko dan faktor penyumbang kepada masalah ter-

sebut, disusuli dengan merangka dan melaksanakan program intervensi.

Katanya, setiap program intervensi yang dilaksanakan perlu dinilai keberkesanannya supaya mencapai objektif yang ditetapkan.

"Hanya peserta yang menunjukkan penurunan positif sahaja boleh dibebaskan daripada program intervensi yang dilaksanakan tetapi perlu melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi mengelakkan mereka kembali barmasalah.

"Perkara yang sama boleh dilaksanakan di sektor swasta bagi memastikan golongan pekerja di Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat di samping melakukan aktiviti pekerjaan lain. Tindakan bersama oleh majikan masing-masing boleh membantu mengurangkan masalah obesiti

“

*Cuepacs melihat masalah obesiti dalam kalangan penjawat awam lebih kepada tabiat pemakanan dan gaya hidup individu tersebut.”*

- Adnan



di Malaysia dengan lebih berkesan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Pada Sabtu Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali mendedahkan sebanyak 50 peratus penjawat awam di Putrajaya mengalami masalah berat badan berlebihan atau obesiti.

Justeru, penjawat awam di-

galakkan untuk menjalankan pelbagai aktiviti sihat sebagai usaha memperoleh tahap kesihatan yang lebih baik.

Mengulas lanjut Adnan berkata, masalah berat badan berlebihan bukanlah suatu perkara yang baharu di Malaysia dan tidak hanya membabitkan penjawat awam.

Justeru, masalah kegemukan

rakyat Malaysia perlu diambil perhatian lebih serius oleh semua pihak kerana perkara tersebut tidak sepatutnya dinormalisasikan.

"Obesiti adalah faktor risiko kepada diabetes, hipertensi, kolesterol tinggi dan sakit jantung. Cuepacs melihat masalah obesiti dalam kalangan penjawat awam lebih kepada tabiat pemakanan dan gaya hidup individu tersebut.

"Untuk menangani obesiti secara berkesan sebenarnya datang daripada dalam diri kita sendiri. Jika kita perhatikan, sudah banyak program kesedaran kesihatan dibuat misalnya membabitkan media massa, selain kempen penerangan awam. Banyak juga maklumat pendidikan mengenai pemilihan makanan yang sihat dihebahkan sebelum ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : CETUSAN

## Kesan buruk vape kepada pelajar sekolah

JIKA dahulu, mana-mana pelajar yang menghisap rokok di sekolah, guru sudah pasti dapat mengenal pasti dengan mudah. Ini kerana baunya yang melekat kuat di tangan atau baju. Namun kini dengan munculnya rokok elektronik atau vape, agak sukar untuk mencari kesalahan tersebut.

Apatah lagi pada masa ini, vape terdapat dalam pelbagai bentuk dan saiz. Sehingga jika hanya dengan sekali pandang ternyata agak sukar untuk membezakan dengan alat tulis yang lain.

Disebabkan itulah, terdapat beberapa kes pelajar dikenakan tindakan tatatertib kerana menghisap vape di sekolah. Lokasi popular sudah pasti lah di tandas ataupun di belakang bangunan yang terpencil. Hukumannya sama seperti dahulu iaitu diberi amaran, dan jika sudah beberapa kali mungkin boleh digantung sekolah, malah ada yang dipindahkan sekolah atas persetujuan ibu bapa.

Namun yang paling penting adalah tahukah mereka bahawa dos vape yang berlebihan boleh membawa kesan buruk terhadap tubuh dan boleh membawa maut?

Mengambil contoh seperti yang berlaku kepada seorang pelajar Tingkatan Empat di Kemaman, Terengganu yang mengalami sawan dan tidak sedarkan diri dipercayai selepas mengambil *magic mushrooms*.

Memetik laporan akhbar ini minggu lalu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Dr Safiya Amaran berkata, terdapat pelbagai jenis bahan perisa di pasaran yang difikirkan tidak berbahaya namun terdapat kajian yang jelas menunjukkan cecair vape mampu membunuh sel paru-paru, hati, otak dan lapisan kulit.

"Ramai tidak tahu yang kandungan nikotin di dalam rokok elektronik (0-36mg) boleh jadi lebih tinggi berbanding rokok tembakau (10-12mg)," katanya kepada *Sinar Harian*.

Fakta ini sangat menakutkan dan perlu diuar-uarkan. Jika vape boleh membawa maut kepada orang dewasa, apatah lagi kesannya terhadap golongan muda.

Oleh itu, tindakan memperketat pengawalseliaan sistem jualan vape termasuk memantau kandungan dalam cecair vape yang terkandung dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) harus disokong dan digerakkan kempenya bermula dari rumah.

Ya, pesanan ini ditujukan khasnya kepada golongan bapa yang kaki vape. Ini kerana anda menjadi suri teladan kepada anak-anak di rumah. Selain itu, semua pihak harus memainkan peranan membantu Kementerian Kesihatan membentuk rakyat Malaysia ke arah hidup lebih sihat.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Wajibkan saringan kesihatan cegah penjawat awam gemuk

**PETALING JAYA:** Kerajaan disaran mewajibkan pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi menangani masalah obesiti dalam kalangan penjawat awam.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Dr. Adnan Mat berkata, pemeriksaan itu perlu terutama bagi yang sudah menunjukkan tanda obesiti dan berada dalam lingkungan umur 40 tahun.

Menurutnya, program kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) boleh dilakukan untuk mengawal serta memantau kumpulan penjawat awam yang mempunyai masalah obesiti.

"Objektif khusus program ini adalah mengenal pasti kumpulan penjawat awam berisiko dan faktor kepada penyumbang masalah tersebut kemudian disusuli dengan merangka dan melaksanakan program intervensi.

"Setiap program intervensi yang dilaksanakan perlu dinilai keberkesanannya supaya mencapai objektif yang ditetapkan.

"Hanya peserta yang menunjukkan penurunan positif boleh dibebaskan daripada program intervensi yang dilaksanakan tetapi perlu melakukan pemeriksaan kesihatan berkala bagi mengelakkan kembali 'bermasalah,'" katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata, hampir 50 peratus penjawat awam mengalami masalah obesiti terutama di Putrajaya.

Oleh itu, katanya, penjawat awam berkenaan digalakkan menjalankan pelbagai aktiviti sihat sebagai usaha memperoleh tahap kesihatan yang lebih baik.

Sebelum ini, laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 menunjukkan sebanyak 54.4 peratus rakyat dewasa Malaysia mengalami berat badan berlebihan.

# Ramai pesakit kanser lebih percaya bomoh, akar kayu

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR  
utusannews@mediamulla.com.my

**SEPANG:** Ada pesakit kanser di negara ini percaya jika tubuh mereka ditusuk benda tajam sama ada jarum suntikan atau pisau, ia boleh menyebabkan penyakit tersebut bertambah buruk.

Fahaman itu menyebabkan ramai pesakit kanser terutama dalam kalangan orang Melayu memilih untuk beralih kepada rawatan perubatan alternatif dipelopori bomoh atau dukun berbanding rawatan di hospital.

Mengulas fahaman pelik itu, pakar kanser, Datuk Dr. Imi Sairi Ab Hadi berkata, kepercayaan dan fahaman sedemikian tidak menjamin apa-apa dari sudut perubatan, malah ia adalah mitos semata-mata.

Ketua Jabatan Pembedahan dan Perunding Kanan Endokrin dan Pakar Kanser Payudara di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) itu berkata, beliau akui ramai pesakit kanser yang mengguna pakai rawatan alternatif tersebut.

Beliau berkata, ramuan akar kayu yang digunakan bomoh dan dukun juga tidak dapat dibuktikan dari sudut kesembuhan, malah memberi kesan lain kepada kanser dihidapi.

"Saya dapati ada ubat-ubatan dibekalkan kepada pesakit oleh bomoh dan dukun agak beranggah dan berlawanan dengan ubat-ubatan moden. Saya tidak menggalakkan mereka beramal



DR. IMI SAIRI memberi taklimat kepada pejuang kanser payudara sebelum berlepas bersama mereka ke Tanah Suci.

dengan meminum air akar-akar kayu.

"Rawatan alternatif menggunakan ramuan akar kayu boleh menyebabkan darah cair, malah boleh mengundang komplikasi kesihatan lain sekiranya pesakit masih dalam kitaran kimoterapi," katanya ketika ditemui dalam majlis pelepasan 30 pejuang kanser payudara ke Tanah Suci bagi ibadah umrah

di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kelmarin..

Katanya, ada dalam kalangan pesakitnya segera mencari perubatan alternatif selepas didiagnosis kanser, namun selepas enam bulan ke setahun, mereka kembali kepadanya dengan tahap kanser lebih teruk.

Dr. Imi Sairi berkata, di Kelantan, sekitar 54 peratus pe-

sakit kanser datang mendapatkan rawatan pada Tahap 3 dan 4 kerana mereka telah berjumpa bomoh terlebih dahulu.

Beliau sehubungan itu menasihatkan pesakit kanser supaya menjauhi rawatan perubatan alternatif kerana kandungan ubat yang diberikan juga tidak mendapat pengesahan perubatan oleh Kementerian Kesihatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Tawar harga murah punca 2,034 klinik swasta ditutup

**PETALING JAYA:** Sejumlah 2,034 klinik perubatan swasta ditutup di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 atau Akta 586 sejak 2013 berikutan faktor persaingan sengit antara klinik dalam menawarkan harga perkhidmatan dan perubatan yang murah.

Setiap tahun negara melahirkan kira-kira 3,934 graduan perubatan dan mereka akan berkhidmat bukan sahaja di sektor awam malah fasiliti swasta termasuk klinik persendirian.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPKAM), Prof. Dr. Jamalludin Ab. Rahman berka-

ta, kerajaan harus mengambil tindakan segera termasuk mengkaji situasi ini agar negara tidak rugi.

Justeru itu, katanya, kerajaan perlu mengambil tindakan terhadap kegagalan klinik swasta beroperasi kerana bukan sahaja sukar untuk melahirkan petugas perubatan kesihatan namun ia akan menjejaskan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat.

"Jika klinik swasta tidak boleh bertahan, maka dua pihak akan rugi. Bukan mudah untuk melatih seorang doktor yang pakar dalam bidang tertentu. Alangkah ruginya rakyat jika doktor tidak lagi dapat mem-

berikan perkhidmatan.

"Justeru, kerajaan harus segera mengkaji situasi ini agar negara tidak rugi dan perkhidmatan rawatan yang lebih baik dapat diberikan kepada rakyat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 melaporkan 51 peratus rakyat Malaysia mendapatkan rawatan di fasiliti swasta termasuk klinik persendirian berbanding 48.9 peratus di klinik kerajaan.

Hal ini kerana, rakyat lebih gemar mendapatkan rawatan di fasiliti swasta berikutan perkhidmatan itu lebih cepat dan

mudah untuk melakukan temu janji bersama doktor.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM), Dr. Boi Saidi Abdul Razak berkata, ketidakseimbangan harga ubat dan yuran konsultasi yang tidak digazetkan menyebabkan klinik bersaing menurunkan harga sekali gus menjadi faktor kerugian perniagaan.

"Selain itu, ramai pegawai perubatan yang gagal menjadi penjawat awam melalui sistem kontrak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan akhirnya membuka klinik sendiri.

"Sekarang ini, terdapat situasi di mana individu dan syarikat

membuka klinik swasta dan mengajikan lambakan doktor tersebut. Pembukaan klinik secara tajaan ini kadang kala berakhir kerugian kerana tiada pesakit.

"Pinjaman mudah lulus khas kepada doktor ketika ini turut menjadi bom jangka kepada pegawai perubatan swasta sehingga boleh menyebabkan kerugian. Kebanyakan pinjaman khas yang ditawarkan bagi tujuan membuka klinik," katanya.

Mengulas lanjut Boi Saidin berkata, pembayaran dan proses tuntutan oleh pentadbir pihak ketiga (TPA) yang tidak munasabah turut menjadi beban kepada klinik swasta.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Ramai golongan belia hidap darah tinggi

**KUALA NERUS:** Sebanyak 12 peratus daripada 32,000 penduduk Terengganu yang menjalani saringan kesihatan pada tahun lalu merupakan golongan belia yang dikesan menghidap penyakit darah tinggi.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, pemeriksaan tersebut dilakukan melalui Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSD).

Menurutnya, perkara itu agak membimbangkan kerana ramai golongan belia tidak menyedari bahawa mereka menghidap penyakit tersebut hinggalah selepas saringan dilakukan.

"Ramai belia meninggal dunia pada usia yang masih muda dan puncanya kerana tiba-tiba jatuh pingsan.

"Namun, selepas melakukan pemeriksaan barulah diketahui bahawa mereka ini sebenarnya ada darah tinggi, pendarahan dan lain-lain penyakit.

"Sebab itu, kita berharap sangat supaya rakyat di Terengganu termasuk golongan belia tampil untuk buat pemeriksaan kesihatan di hospital dan klinik kesihatan supaya dapat mengesan lebih awal tentang penyakit dihidapi," katanya kepada pemberita selepas perasmian Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalal, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Kasemani berkata, golongan yang berisiko menghidap penyakit darah tinggi adalah individu yang berumur lingkungan 20 hingga 40 tahun.

"Namun, kebanyakan mereka sering beranggapan tidak perlu menjalani pemeriksaan kesihatan kerana masih muda dan bebas sebarang penyakit.

"Persepsi ini perlu ditukar kerana faktor gaya hidup, amalan kesihatan dan pemakanan juga menjadi faktor terhadap berlakunya penyakit," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 39  
RUANGAN : KOMUNITI KITA



### 100 penduduk Bachok derma darah

HAMPIR 100 penduduk di Bachok, Kelantan tampil menderma darah anjuran Kelab Kebajikan dan Rekreasi, Pusat Kesihatan Bachok dengan kerjasama Unit Perubatan Transfusi, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, baru-baru ini.

Penganjuran program itu bertujuan mencukupkan bekalan darah bagi berdepan

sebarang kecemasan pada masa akan datang.

Pegawai Kesihatan Daerah Bachok, Dr. Razan Samat berkata, pihaknya menjalankan kempen prihatin masyarakat untuk derma darah demi menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan.

"Bukan mudah untuk menarik orang ramai tampil secara sukarela bagi menderma darah.

"Jumlah kehadiran hari ini dianggap memberangsangkan kerana kita membuka ruang menderma dalam tempoh hanya lima jam," katanya.

■ SEBAHAGIAN penderma darah bersama kakitangan perubatan dalam program derma darah di Klinik Kesihatan Bachok, Kelantan, baru-baru ini.  
- UTUSAN/TOREK SULONG

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATION

# Rising obesity crisis a big concern

## Regular health checks necessary to curb non-communicable diseases

By RAHIMY RAHIM  
rahimyr@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (Cuepacs) is calling for mandatory health screenings for civil servants to combat the escalating obesity crisis.

Cuepacs president Datuk Dr Adnan Mat said that the issue not only affects civil servants but the population as well.

"The problem of obesity among Malaysians needs to be taken more seriously because it should not be normalised.

"To ensure that control measures are implemented, Cuepacs believes that mandatory periodic health checks for public servants should be carried out, especially for those aged 40 and above or showing signs of weight issues," he said in a statement yesterday.

Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali on Saturday said that there is



**Multi-pronged approach:** (From left) Adnan, Dr Zainal and Prof Dr Sharifa call for more healthy eating options and incentives to exercise.

a need for healthy activities among civil servants due to a significant obesity rate.

Mohd Zuki said this is crucial given that obesity rates have surpassed 50% of the population, with a significant number being civil servants in Putrajaya.

Adnan said that coordinated efforts between government agencies should be conducted to

deal with the issue effectively.

"A collaborative approach involving the Health Ministry and Youth and Sports Department to identify at-risk civil servants and implement intervention programmes should be undertaken.

"The effectiveness of each intervention programme implemented needs to be evaluated to achieve the set objectives," said

the Cuepacs president.

Successful participants would undergo regular check-ups to prevent relapse.

"The same measures can be implemented in the private sector to ensure a healthy lifestyle is maintained.

"Coordinated action by respective employers can help reduce the problem of obesity more effectively," he added.

Public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said the government had implemented various campaigns on obesity and prevention of non-communicable diseases (NCDs) but it should go beyond campaigns.

He also proposed that the government look into providing incentives on production and sale of healthy food and beverages.

The government should also offer incentives for companies providing support on healthy lifestyles for their employees, including providing sports equip-

ment, clubs or insurance, he added.

The authorities should also find ways to reduce advertisements on unhealthy food and beverages, said Dr Zainal Ariffin.

Public health specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said each government department or office should be encouraged to adopt a sports theme and it should be considered part of their task, considering that a majority of them have no time to do physical activities after work.

"Workplaces should also be encouraged to have recreational areas suitable for sports to promote physical activities.

"A healthy eating culture should also be provided in restaurants at Putrajaya, including calorie labelling and activities to burn those calories.

"Restaurants that offer healthy, low-calorie food should be given incentives to encourage existing restaurants to provide healthy, low-calorie meals," she added.

# Monitor sugar content in menus at govt events, say experts

**KUALA LUMPUR:** Effective monitoring and evaluation of sugar content in menus at government events is crucial to ensuring the success of the newly-implemented sugar reduction initiative, say experts.

Assoc Prof Dr Norazmir Md Nor from the Faculty of Health Sciences of Universiti Teknologi MARA said the immediate goal should be to achieve a 50% reduction in sugar content.

"Regular monitoring and reporting is vital to ensure that the objective is met. This will significantly enhance our efforts to check sugar intake," he told Bernama.

Assoc Prof Norazmir's comments follow a recent directive from the Cabinet for a 50% reduction in sugar content in beverages served at all government events.

The directive is part of a broader strategy to promote a healthier lifestyle.

Communications Minister Fahmi Fadzil, who announced the decision on Thursday, said the move was prompted by the 2023 National Health and Morbidity Survey report,



**Less sugar, more benefits:**

A poster reminding people to consume less sugar is displayed at a cafeteria in Kuala Lumpur. — AZHAR MAHFOF/The Star

which revealed that 15.5% of Malaysia's adult population were diagnosed with diabetes.

Assoc Prof Norazmir recommended using alternative or artificial sweeteners to replace natural sugars, as studies show these alternatives could reduce sugar intake without compromising on food taste.

He suggested reducing the sizes of dessert and sweet beverage portions and providing fewer

sweet options.

"Offering sugar-free or low-sugar beverages, such as unsweetened tea, sugar-free lemonade, or plain water, along with reducing dessert and sweet drink portions, can lower overall calorie and sugar consumption," he said.

Assoc Prof Dr Zahara Abdul Manaf of the Faculty of Health Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia, advised event organis-

ers to select foods low in sugar, oil, fat and salt.

"The Health Ministry has issued healthy eating guidelines for meetings that can serve as a reference for all of us," she said, adding that these reductions should be formalised into workplace policies, including informing food vendors and all staff members.

She recommended against serving sugary drinks at every meal.

"Priority should be given to pro-

viding plain water, fresh lemon juice or green tea," she added.

Galen Centre for Health and Social Policy chief executive officer Azrul Mohd Khalib said to ensure the Health Ministry's "war on sugar" campaign was effective, the government should not just increase excise duties on sugar-sweetened beverages.

"Sugar should also be removed from the list of controlled items under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011," he added.

He said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad was right to highlight sugar consumption as a key issue in tackling Malaysia's obesity crisis.

He said the National Health and Morbidity Survey 2019 estimated that Malaysians consumed an average of 12 teaspoons of sugar daily from sugary beverages.

The survey further revealed that the highest prevalence of non-communicable diseases was among individuals aged 60 and above (38%), followed by those aged 50-59 (28.8%), 40-49 (15.2%), 30-39 (6.5%), and 18-29 (3.2%).

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : VIEWS

As global health challenges increasingly intersect with environmental issues, the concept of planetary health, which emphasises the health of humans and the natural systems they depend on, has become crucial.

Nurses, as primary caregivers, play a vital role in promoting wellness and preventing illness, making it essential to equip future nursing professionals with a deep understanding of the dynamic interplay between the environment and human health.

Despite its importance, planetary health is often missing from university curricula, including

## Nursing the health of the planet

nursing education. Educational institutions are pivotal in shaping the future of healthcare by integrating planetary health into their curricula.

In nursing education, this requires a holistic approach that embeds environmental sustainability into all facets of the profession. It necessitates interdisciplinary teaching that combines ecology, environmental science and public health with the traditional nursing curricula.

Such education empowers

graduate nurses to become change agents equipped with the knowledge and skills to promote policies and practices that support sustainable health goals.

Successful integration often involves collaboration with stakeholders from various disciplines and sectors, and engaging in community partnerships to apply knowledge in real-world settings.

While integrating planetary health into the nursing curricula presents challenges such as institutional commitment, curriculum

redesign, and faculty development, the benefits of creating a nursing workforce adept at addressing the environmental determinants of health will far outweigh these challenges.

It is imperative that universities rise to the occasion for the benefit of both human health and the planet.

HO SWEET LEE  
DR NOOR HAZLIZA CHE  
SEMAN  
and WONG LEE SIA  
School of Medical and Life  
Sciences  
Sunway University

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATIONAL

## Malaysia on track to be global healthcare hub

**KUALA LUMPUR:** Malaysia is advancing steadily to emerge as a leading global healthcare destination in 2025, with the success of the healthcare tourism sector chalking up RM2.25 billion in revenue last year.

In just a year before the completion of the Malaysia Healthcare Travel Industry Blueprint 2021-2025, the aspiration to fulfil the "Best Malaysia Healthcare Travel Experience" by 2025 could be achieved following a growing number of health tourists making their way to Malaysia.

Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), an agency under the Health Ministry, said the country recorded 584,468 health tourist arrivals for the first half of this year.

The agency said Malaysia recorded more than one million health tourist arrivals in 2023, up by a significant 15% from 850,000 in 2022, firmly entrenching the country as a fast growing medical destination.

MHTC said Indonesia was the highest contributor of health tourists to Malaysia,

comprising 70% to 80% of the total number last year.

The Malaysia Healthcare Travel Industry Blueprint 2021-2025 covers the role of public and private sector stakeholders in the healthcare travel ecosystem and has managed to provide a framework of cohesive end-to-end experience to health tourists, with emphasis on the Malaysian healthcare brand.

Among the key points of the blueprint are medical services, teleconsultation, access to information, insurance, accommodation and immigration, which will drive the industry forward and make Malaysia a focal point to showcase the "Best Malaysia Healthcare Travel Experience" by 2025.

The agency said the health tourism industry aims to generate RM2.4 billion in revenue for the whole of this year and thus far, the sector has generated RM954.90 million in revenue as of June, Bernama reported.

MHTC said this is expected to contribute to an economic spillover of RM9.6 billion to

other industries.

The Malaysia External Trade Development Corporation (Matrade) should also be credited as having a role in this journey based on a recent statement that the agency is actively supporting the international expansion of Malaysia's healthcare industry via its vast network of global offices to ensure both the industry's competitiveness and secured future proof growth.

With 49 offices worldwide, Matrade has connected Malaysian companies, including healthcare firms, with foreign importers through export missions, business match making programmes as well as market intelligence reports, all of which have promoted Malaysia's healthcare tourism industry.

The efforts reflect Malaysia's commitment to advancing healthcare innovation and excellence, positioning the country as a key hub for global healthcare partnerships and business opportunities, according to Matrade.

+

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NATIONAL

# Education, support key to curb Shaken Baby Syndrome

► Important for caregivers to understand dangers of act and be equipped with tools to effectively manage stress to minimise risk of incidents, says expert

■ BY SIVANISVARRY MORHAN  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Consultant paediatrician Datuk Dr Amar-Singh HSS has urged families to monitor young mothers, individuals in unstable family situations, or caregivers with unrealistic expectations of infant behaviour, as they are prone to causing Shaken Baby Syndrome (SBS).

He said according to the Health Ministry MyHealth portal, some 20 to 30 babies are referred to Kuala Lumpur Hospital every year for SBS.

"However, this figure represents just the tip of the iceberg as some infants may have died at home, or before they could be referred from another hospital. Others might suffer from milder forms of SBS, and be treated for irritability and vomiting, which could be mistaken for infantile colic."

Amar, who is also a child-disability activist, said infants who cry excessively due to

conditions like colic, are also more susceptible to suffer from SBS, which is a severe and often fatal condition resulting from violently shaking a child, especially those under two years.

As SBS continues to pose a threat to the well-being of infants, Amar stressed that education and support are key to prevention.

"Caregivers must be educated, supported, and equipped with the tools to effectively manage stress. Only through such comprehensive efforts can SBS incidents be minimised."

He said the vulnerability of infants is due to their proportionally large heads and weak neck muscles, which make them susceptible to significant harm from being violently shaken.

"SBS is a form of physical child abuse. It frequently arises not from malice but intense stress and exhaustion of the caregiver, be it a young mother, individuals in unstable families or caregivers who expect too much

from an infant.

"When an infant is violently shaken, the brain moves within the skull, causing bleeding, swelling and a lack of oxygen to the brain cells. This damage can result in long-term mental disabilities or even death."

Amar said prolonged or excessive crying can lead to overwhelming stress, causing caregivers to shake the infant in a desperate attempt to quiet the baby down.

He stressed the importance of understanding the dangers of shaking and developing effective stress management strategies and advised caregivers struggling to calm a crying baby to place the child in a safe location, and to take short breaks to regain composure.

"For young mothers, seeking support from friends, family or health clinics is crucial. Hiring a reliable childminder or babysitter can further safeguard against the risk of SBS."

Prema Thangavelu, 32, said her father used to toss her baby in the air and then catching him, thinking it was a fun game.

"I was terrified and quickly intervened, which made my father very upset. He said older family members used to do the same to me when I was a baby. It is crucial for everyone, especially older family members, to understand the importance of gentle and safe handling of infants while playing."

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NATIONAL

# Ministry **rebrands** centres to address mental health stigma

► Sandakan facility emphasises rehabilitation, provides job placement support and enables patients to participate in career transition programmes

**SANDAKAN:** Even in this era of better access to information and heightened awareness on mental health issues, individuals are marginalised or "hidden" by their families for being perceived as "insane," depriving them of treatment and reducing their chances of leading a normal life.

To address this, the Health Ministry has rebranded its Community Mental Health Centres as Mentari Malaysia to give mental healthcare a positive connotation and encourage families with members facing such issues to seek treatment.

Mentari Malaysia was initiated in 2014 as a new approach to improve the ministry's outreach services and support the reintegration of individuals undergoing treatment for mental health issues.

There are 33 facilities nationwide, including two in Kota Kinabalu and Sandakan, Sabah.

The Sandakan Mentari Malaysia facility goes by "Mentari Elopura" and comes under the purview of the Duchess of Kent Hospital Psychiatry and Mental Health Department, which is headed by Dr Cheang Yue Wen.

Operating since 2018, Mentari Elopura currently has 60 patients.

Cheang said the centre facilitates access to mental health treatment, with emphasis on providing care as early as possible to prevent the condition of patients from worsening.

"Patients come in as walk-ins. However, since we are new to the community (and not many people know about us), we are trying an appointment based approach first."

She said Mentari Elopura used to be located in the hospital but now operates in the same building as the Sandakan Ren Ai Counselling Association in Jalan Utara Batu 1½.

She also said Mentari Elopura emphasises the concept of rehabilitation so that patients can reintegrate into society.

"We focus on treating and training patients so that they can become independent and contribute to the community."

"We are optimistic that even patients with schizophrenia could go to work if they receive appropriate treatment," she said, adding that the centre's core services include providing job placement support and enabling patients to participate in job transition programmes.

Cheang said of the current patients, 27 are interested in working and are being guided through an employment support programme.

"If patients do not wish to work, we do not force them. Instead, we place them in a job

transition programme in which they are taught skills, such as farming, cooking or sewing."

She urged the local community to collaborate with Mentari Elopura in providing employment opportunities to their patients and organising programmes and seminars to prepare them to join the workforce and reintegrate into society.

She said Mentari Elopura is partnering with several organisations to diversify its rehabilitation activities.

"We are collaborating with Sandakan Polytechnic on the Smart Community Programme. We are also working with the Ulu Dusun Agricultural Research Centre on pineapple and banana cultivation projects."

"We plan to work with the Sandakan Ren Ai Counselling Association on a horticultural and hydroponics project behind the Ren Ai building."

Health Ministry Psychiatry head Dr Nor Hayati Ali, who is also a senior consultant in community and rehab psychiatry, said the ministry hopes to increase the number of Mentari Malaysia facilities to 40 by next year.

"Our population is growing and if we stick to the old approach of waiting until patients are admitted to wards, the wards will be full. We need to prevent the situation from worsening."

She urged the public to support family members with mental health issues by ensuring they receive necessary treatment, Bernama reported.

"A support system, especially from family, is crucial as part of ongoing care."